

BAB 6

KESIMPULAN

Dalam sejarah perkembangan drama/teater tempatan, telah dikesankan bahawa bagi drama Melayu ia bermula dengan lakonan drama tradisional. Bagi drama Inggeris, drama-drama Shakespeare menjadi kegiatannya melalui mata pelajaran kesusasteraan Inggeris. Mulai dari situ, kegiatan penulisan skrip, dan bermulalah peranan seseorang pengarah dalam kegiatan berteater.

Peranan pengarah mula muncul dalam zaman teater kontemporari sekitar tahun 70an, dimana muncul drama absurd ala Malaysia. Banyak eksperimen dijalankan bukan sahaja dari segi isi kandungan drama bahkan dari segi metode pengarahannya. Berlaku pelbagai percubaan dalam pengarahannya teater. Dari masa itulah peranan seseorang pengarah mula menonjol dan tidak lagi terselindung di sebalik penulis skrip.

Dari antara pengarah-pengarah yang muncul pada zaman itu, Krishen Jit merupakan pengarah atau aktivis teater yang aktif dari permulaan zaman teater kontemporari hingga ke kini. Ketagihan dan ketulusannya terhadap teater telah membolehkan beliau mencurahkan hampir sepenuh masa, tenaga dan fikirannya dalam mencari segala kemungkinan dalam teater. Oleh kerana keistimewaan Krishen yang unggul ini, maka objektif disertasi ini ialah untuk mengingati dan menghormati sumbangan Krishen terhadap teater Malaysia.

Penglibatan Krishen dalam teater tempatan merangkumi teater Melayu dan teater Inggeris. Sebagai seorang pengarah, keterlibatan Krishen secara aktif dalam teater Melayu bermula dengan kejadian May 13, 1969; dimana pencarian identiti merupakan suatu isu yang ditegaskan dalam teater. Dalam zaman beliau bergiat dengan teater Melayu (1971-1977), Krishen telah mula berusaha menerokai fizikal teater dan gaya persembahan yang mempunyai ciri-ciri elemen tempatan dengan menampilkan unsur-unsur seni tradisional seperti wayang kulit, silat dan sebagainya ke dalam pementasannya. Sebenarnya beliau masih condong kepada peranan sebagai seorang pentafsir karya penulis

Selepas “Bukan Bunuh Diri” (1977), dengan percubaan menerokai elemen teater dalam drama melalui fizikal pelakon, suara, lagu dan tarian, Krishen bagaikan telah mendapat hala tujuannya dalam bidang ini. Beliau mula mengenal pasti, betapa dalam teater, skrip bukanlah elemen paling utama.

Kepekaan Krishen terhadap penguasaan elemen teater terus meningkat dan dapat beliau kemudian menyebarkannya dalam zaman penglibatannya dengan teater Inggeris (1984-1998). Hasil pengarahannya pada zaman ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu :

1. Tahap pentafsir penulis skrip — iaitu menggunakan metode yang diteruskan dari zaman teater Melayu dimana Krishen telah cuba menerokai pelbagai kemungkinan untuk menghasilkan teknik seni lakon tertentu.
2. Tahap teater olahan — iaitu mengaplikasikan latar belakang atau pengalaman pelakon-pelakon untuk pembentukan hasil teater. Beliau cenderung membikin

teater yang bukan sahaja meliputi perbezaan dari segi latar pelakon bahkan juga mengembangkan potensi pelakon bersumberkan keturunan, bangsa, usia dan bahasa pertuturan mereka

3. Tahap persembahan di luar panggung teater — iaitu menerokai ruang pementasan yang berlainan. Ini merupakan satu langkah dalam usaha menghapuskan sikap pasif penonton yang lazim wujud ketika proses penontonan. Metode baru oleh Krishen ini bertujuan untuk merangsang aktiviti pemikiran minda di antara pelakon dengan pelakon, pelakon dengan penonton, pelakon dengan persekitarannya, serta penonton dengan persekitarannya. Ia membawa sifat “*decentralize*” dimana dapat menimbulkan fokus yang majmuk.

Dengan penelitian ke atas “*Skin Trilogy*” , dapat dirumuskan metode pengarah Krishen pada tahap ini adalah mencari interaksi yang paling berkesan dan bertenaga antara individu yang terlibat, termasuk pengarah, pelakon, pereka dan tidak ketinggalan penonton. Apabila menghadapi pelakon, beliau berperanan sebagai seorang pengelola, pencabar serta sebagai suatu daya penggerak. Manakala ruang yang diberi oleh Krishen kepada kesemua daya kreativiti teater bukan sahaja menunjukkan keseimbangan hak dalam teater, bahkan telah menimbulkan suatu situasi yang merangsangkan dalam teater tempatan dimana egoisme dalam teater dihapuskan, kepelbagaian nilai dapat ditemui dan dibicara serta ruang untuk berdialog turut diperbesarkan. Pengarahan interaktif itu sangat sesuai untuk memikat selera peserta teaternya terutama mengambil kira keadaan masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Rumusannya metode Krishen terhadap teater adalah:

1. Teater adalah tempat penemuan kebenaran
2. Teater berperan menjalankan terapi, menghapuskan kekeliruan dan meringtangi kesukaran.
3. Teater ialah tempat untuk menjejak memori dan mencari pendirian.
4. Teater merentasi bangsa, agama dan pendidikan.

Boleh dibuat rumusan bahawa teater yang dipopularkan oleh Krishen bersifat “teater kemanusiaan” , suatu teater yang berinteraksi dengan manusia dan bukan sekadar mementingkan estetika teater. Ini mirip dengan Richard Schechner yang mengendalikan penyelidikan antropologi serta psikologi kemasyarakatan menyebabkan beliau mempercayai bahawa teori seni persembahan merupakan suatu cabang sains sosial dan bukan estetik. Begitu juga bagi Krishen yang mempelajari sejarah, teater beliau pasti tidak akan jauh dari manusia dan memori.

Sebagai seorang pengarah yang memperjuangkan hak seorang seniman dalam teater, Krishen memang boleh diberi penghormatan yang tinggi.